



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 23 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEMPOYLICIOUS COCONUT SHAKE MAKIN POPULAR DI MANJUNG, ONLINE, KOSMO	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	DITAHAN SELEPAS MENCANDAT SOTONG, NEGERI, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	'MACAM MANA PADI KAMI NAK HIDUP?', NEGERA, KOSMO -17	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	PETANI RUGI PENGAIRAN TIDAK SEMPURNA, DALAM NEGERI, UM -32	
5.	ATASI CABARAN INDUSTRI BERAS NEGARA, NASIONAL, SH -12	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2022	KOSMO	ONLINE	

SEMPOYLICIOUS COCONUT SHAKE MAKIN POPULAR DI MANJUNG



MANJUNG – Memiliki ladang kelapa muda seluas 2.5 hektar di Lekir, Perak memberi satu kelebihan kepada pemilik syarikat Magnet Two Enterprise untuk menawarkan pelbagai menu minuman di bawah jenama popular, Sempoylicious Coconut Shake kepada pelanggan.

Bertempat di Medan Selera, Pasar Tani Kekal, Lekir, Che Noor Suriani Che Ani menawarkan empat segmen menu terdiri daripada coconut jelly, coconut shake yang mana hasilnya diperoleh dari ladang kelapanya yang ditanam dengan kelapa pandan. Menu lain adalah tawaran pelbagai jenis minuman berasaskan kopi kampung yang dikomersialkan mengikut selera pelanggan serta ice blended yang turut diolah menggunakan pelbagai perisa popular untuk menarik minat semua peringkat umur pelanggan.

Che Noor Suriani, 45, mula mempelajari selok-belok perniagaan berkaitan kelapa muda hanya selama setahun selepas hasil perniagaan daripada bidang makanan dan minuman yang diceburinya semakin menyusut ekoran pandemik. Pelaburan antara RM30,000 hingga RM40,000 untuk projek tanaman tersebut ternyata berbaloi selepas dua tahun. Pokok kelapa memberikan hasil yang baik, sekali gus membolehkannya kembali aktif menjual minuman popular itu.

“Setiap hari saya menggunakan kira-kira 300 hingga 400 biji kelapa muda dengan hasil jualan antara RM700 hingga RM800 di medan selera tersebut,” katanya di sini baru-baru ini. Che Noor Suriani menerangkan, harga produk dari serendah RM1 hingga RM8 itu cukup laris dalam kalangan penduduk dan komuniti setempat.

Malah ujarnya, kiosk itu terus beroperasi semasa arahan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan dan permintaan terhadap minuman tersebut terus meningkat. Platform berniaga secara kecil-kecilan itu semakin mendapat kepercayaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Beliau berjaya mendapatkan projek untuk mengusahakan ladang kelapa seluas 35 hektar di Lekir awal tahun ini yang membolehkan syarikat mempelbagaikan perniagaan. Kelapa muda hasil ladang tersebut terbahagi kepada empat jenis iaitu pandan, mawar, mataq dan juga myd, yang mana beliau telah mengeluarkan produk seperti santan kelapa dan juga kerisik buatan sendiri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI	27

Ditahan selepas mencandat sotong

Dua bot Vietnam ditahan di perairan Pahang

Oleh NORAWAZNI YUSOF
KUANTAN

Cubaan dua bot nelayan Vietnam mencandat sotong di perairan Pahang membawa padah apabila kedua-dua bot itu ditahan. Jabatan Perikanan Malaysia di perairan Kuantan di sini pada Selasa.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan), Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, kedua-dua bot tersebut ditahan pada



WAN MUHAMMAD

jarak 40.3 batu nautika dari Kuala Kuantan pada jam 9 pagi.

Menurutnya, lokasi mereka dikesah menggunakan Sistem Pemantauan Vesel Jabatan Perikanan (Enav) dan aduan daripada nelayan tempatan.

"Ketika serbuan itu dibuat mereka sedang beristirahat dan pemeriksaan mendapati mereka baru dua hari memasuki perairan

negara dan melakukan aktiviti kail-mengail menggunakan candat sotong.

"Mereka berani membuat tangkapan kerana sotong di perairan negara mempunyai saiz besar dan mereka boleh menjual pada harga RM60 hingga RM80 seekilogram.

"Pada masa ini nelayan tempatan kurang ke laut disebabkan ribut kuat dan mereka mengambil peluang untuk mencuri hasil di laut

kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Program Pemantauan Vesel Penangkapan Ikan Asing Zon Timur Siri 1 (10/2022) di Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Pahang di Padang Lalang di sini, pada Khamis.

Wan Muhammad Aznan berkata, dua bot bersama 12 kru berusia antara 16 hingga 59 tahun telah ditahan dan hasil sotong dianggarkan lebih 20 kilogram dirampas.

Tambahnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk peralatan navigasi dan komunikasi dianggarkan berjumlah RM300,000.

"Kesemua 12 nelayan yang ditahan akan disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) Akta Perikanan Malaysia 1985 dan Seksyen 16 (3) Akta Perikanan Malaysia 1985 (AKA 317) kerana melakukan kesalahan memasuki dan melakukan penangkapan ikan di perairan Malaysia.



Wan Muhammad Aznan menunjukkan dua bot Vietnam yang ditahan baru-baru ini.

"Kesemua mereka direman selama 10 hari bermula Rabu dan akan dihadapkan ke mahkamah selepas siasatan selesai," ujar beliau.

Selain itu, Wan Muhammad

Aznan memaklumkan Perikanan Malaysia memandang serius isu dan kesalahan yang melibatkan pencerobohan kedaulatan perairan dan melakukan kerosakan kepada sumber perikanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUMAH	MUKA SURAT
23/9/2022	KOSMO	NEGARA	17

Sistem pengairan dipenuhi semak menyebabkan air tak sampai ke sawah

'Macam mana padi kami nak hidup?'

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

ALOR SETAR – Kira-kira 70 pesawah di Kampung Bukit Sireh, Pokok Sena dekat sini mengeluh apabila sukar mengusahakan bendang ekoran sistem pengairan yang tidak diselenggara sehingga dipenuhi semak samun sejak dua tahun lalu.

Pesawah mendakwa masalah tersebut menyebabkan air tidak dapat mengalir ke kawasan sawah seluas 25 hektar itu.

Menurut pesawah, Mohd. Hassan Abd. Manaf, 35, sistem pengairan di situ sepatutnya diselenggara Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Sistem perparitan sepanjang kira-kira dua kilometer kini dipenuhi semak samun dan menyebabkan air tersekat dan tak mengalir ke kawasan sawah.

"Rata-rata pesawah kini terpaksa bergantung kepada air hujan," katanya.

Menurut Mohd. Hassan, keadaan itu menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kerugian kerana memperoleh hasil yang kurang kerana tumbesaran padi terjejas.

"Memang tidak dinafikan



MOHD. HASSAN (kiri) bersama rakannya, Mohd. Asraf menunjukkan sistem perparitan yang dipenuhi semak samun di Kampung Bukit Sireh, Pokok Sena dekat Alor Setar semalam.

MADA ada menyalurkan air pada setiap musim tetapi ketiadaan penyelenggaraan ini menyebabkan air tidak sampai dan masuk ke dalam sawah.

"Sepatutnya pihak MADA perlu sentiasa memantau sistem perparitan itu kerana ia merupakan nadi kepada proses penanaman padi," ujarnya yang mengusahakan sawah seluas 1.2 hektar.

Pesawah, Abd. Malik Ayob, 58, dari Kampung Telaga Batu pula berkata, air yang tersekat menyebabkan ada beberapa kawasan dilanda banjir.

"Saya berharap MADA dapat menyelesaikan masalah ini," katanya.

Bagi Ramli Salleh, 47, dari Kampung Budi pula berkata, dia tidak mengusahakan sawahnya pada musim ini kerana masalah tersebut.

"Kalau saya mengusahakannya, sudah pasti saya akan menanggung kos lebih tinggi lagi. Tanaman padi juga pasti akan terjejas dengan ketiadaan air yang mencukupi.

"Saya berharap pada musim kali ini, MADA dapat turun dan menyelenggara perparitan di sini," tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Petani rugi pengairan tidak sempurna

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID
utusannews@mediamulia.com.my

POKOK SENJA: Seramai 70 petani di Kampung Bukit Sireh, di sini kecewa dengan sistem pengairan yang didakwa tidak sempurna sehingga mereka kerugian ribuan ringgit apabila air tidak sampai ke kawasan tanaman.

Menurut Mohd. Hassan Abd. Manaf, 35, petani di beberapa kampung sekitar turut kecewa selepas saluran sepanjang 2 kilometer (KM) untuk tanaman padi yang mereka usahakan selama ini tidak diselenggara Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, saluran perparitan yang dibina untuk pengairan padi di kawasan itu sudah terbiar sejak dua tahun lalu dan ia menyebabkan banyak masalah telah timbul kepada petani.

"Sejak MADA gagal selenggara, air yang disalurkan tidak sampai ke kawasan sawah dan ini menyebabkan kami sukar untuk mengerjakan sawah. Bagi mengelak keadaan itu petani kini hanya bergantung kepada air hujan.

"Oleh itu tidak hairan apabila petani sering tanggung rugi apabila hasil tanaman tidak mendapat bekalan air mencukupi hingga tumbesaran padi turut terjejas," katanya ketika ditemui, semalam.

Mohd. Hassan yang mengusahakan 0.81 hektar sawah berkata, kegagalan MADA menyebabkan sistem perparitan itu ditumbuhi rumput hingga menjejaskan saluran air ke sawah di sekitar kawasan itu.

"Memang tidak dinafikan Mada ada menyalurkan air pada setiap musim tetapi ketiadaan penyelenggaraan ini menyebab-



MOHD. Hassan Abd. Manaf (kiri) menunjukkan sistem perparitan yang tidak diselenggara MADA di Kampung Bukit Sireh, Pokok Senja. - UTUSAN/MOHD RIFAAT ABD HAMID.

kan air tidak sampai dan masuk ke sawah. MADA perlu sentiasa pantau perparitan ini kerana ia nadi kepada kami setiap kali mengusahakan sawah.

"Pernah masalah ini diadukan kepada pihak berkenaan tetapi pelbagai alasan diberi dan petani kini hanya terpaksa menunggu dan tanggung kerugian. Malah, kini sudah ramai petani mula bercadang untuk tukar tanaman lain kerana masalah bekalan air," katanya.

Sementara itu, Abd. Malik Ayob, 58, dari Kampung Telaga Batu pula berkata, ketiadaan penyelenggaraan menyebabkan terdapat beberapa kawasan rumah penduduk dinaiki air semasa MADA mengalirkan bekalan itu ke sawah.

"Adalah menyedihkan apabila air yang melimpah masuk ke beberapa rumah di kawasan ini dan petani yang sangat mengharapkan bekalan air tidak da-

pat memanfaatkannya. Oleh itu saya harap MADA dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin," katanya.

Dalam pada itu, Ramli Salleh, 47, dari Kampung Budi berkata, pada musim ini dia terpaksa membiarkan sawahnya selepas menabur benih dan meracun dahulu tanpa diusahakan ekoran masalah air yang tidak mencukupi.

"Saya biarkan sahaja sawah itu kerana jika mengusahakannya pun sudah pasti akan tanggung kos yang lebih tinggi. Malah padi yang akan tumbuh pasti akan terjejas dengan ketiadaan air.

"Saya barharap pada musim kali ini MADA dapat selenggara perparitan yang sedia ada. Rugi jika sistem yang dibina untuk 25 hektar dengan kos ribuan ringgit itu tidak dapat dimanfaatkan oleh pesawah di kawasan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Atasi cabaran industri beras negara

Pelaksanaan Smart SBB kurangkan impak buruk pengeluaran padi

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
PASIR SALAK

Pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) dapat mengurangkan impak buruk pengeluaran padi serta beras negara akibat banjir.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, pengurusan yang efisien menerusi program itu dapat mengurangkan kesan bencana alam terhadap tanaman yang diusahakan pesawah.

"Ini adalah cabaran yang dihadapi sektor industri padi beras negara bukan sahaja banjir, malah penyakit, perubahan cuaca dan kemarau.

"Banjir atau kemarau ini tidak boleh dikawal tetapi kita boleh mengurangkan impak terhadap tanaman padi, oleh itu penglibatan pihak swasta atau peneraju dan konsep pengurusan yang efisien ini membolehkan kita meningkatkan hasil beras negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada



Ronald (dua dari kanan) melawat tapak pameran pada program Smart SBB IADA Seberang Perak di Kampung Gajah, Pasir Salak pada Khamis.

pemberita selepas merasmikan program Smart SBB di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak (Cawangan Ulu Dedap) di Kampung Gajah, di sini pada Khamis.

Ronald berkata, sebanyak RM23 juta telah diperuntukkan untuk Tabung Bencana Tanaman Padi dan RM19.8 juta telah disalurkan bagi membantu pesawah terkesan seluruh negara.

"Begitu juga bidang tanaman dan ternakan, kita ada menyediakan dana untuk membantu mengurangkan beban yang ditanggung pengusaha dalam sektor agromakanan ini," ujarnya.

Tambah Ronald, kementeriannya telah bersiap siaga menghadapi mu-

sim banjir terutama melibatkan pengusaha sektor makanan.

"Berdasarkan pengalaman lalu, kita lebih bersedia berbanding tahun lepas dari segi bilik gerakan, gerak kerja dan lain-lain," jelasnya.

Ronald memaklumkan, Smart SBB bermatlamat mempertingkatkan Tahap Sara Diri (SSL) beras negara kepada 75 peratus tahun 2025 dan seterusnya 80 peratus menjelang tahun 2030.

"Melalui program ini, hasrat kita mengurangkan kebergantungan import sehingga 20 peratus keperluan beras negara akan dicapai pada 2030.

"Hampir 5,000 pesawah dengan keluasan melebihi RM11,000 hektar terlibat dalam Smart SBB," katanya.